

Oktober-Disember

2018



OUTREACH

LOCAL ORGANISATION WITH GLOBAL OUTREACH



Tahniah

**YAB DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN
ZOHARI BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG**

Di Atas Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Universiti
Daripada Swinburne University of Technology, Melbourne, Australia



**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KHAS
KETUA MENTERI SARAWAK (AKKMS) KE-26**
Muka Surat 5

Berita Utama

Kerajaan Negeri Sediakan Biasiswa
Kepada Penuntut Perubatan Di UNIMAS

Info Korporat

Mesyuarat Lembaga Amanah
Yayasan Sarawak Ke-125

Info Pendidikan

Program Perjumpaan Anak Sarawak
USM Bersama Yayasan Sarawak

Taska Tadika Yayasanku Sayang

Pameran Konvesyen Pendidikan Pra Sekolah Siri Ke-12
Tahun 2018

Info Sukan

Yayasan Sarawak-Puteri Dang Balai
Dinobat Raja Sungai Sarawak 2018

Catalyst In Education Development Towards Quality Human Capital



KANDUNGAN

- 2 | Dari Meja Pengarah
- 3 | Dari Meja Ketua Editor

Berita Utama

- 4 | YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg Dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Universiti Swinburne, Melbourne, Australia
- 5 | Majlis Penyampaian Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak (AKKMS) Ke-26
- 6 | Kerajaan Negeri Sediakan Biasiswa Kepada Penuntut Perubatan Di UNIMAS
- 7 | Majlis Konvokesyen Taska Tadika Yayasanku Sayang Siri 8 Tahun 2018

Info Korporat

- 8 | Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Sarawak Ke-125
- 8 | Konvensyen MPC *Good Regulatory Practises* (GRP)
- 8 | Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) Ke-34
- 9 | Kukuh Hubungan Yayasan Sarawak - SABATI
- 9 | Lawatan Kerja Unit Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Sarawak
- 10 | Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer YS-CAPS
- 10 | Kontinjen Yayasan Sarawak Sertai Istiadat Perbarisan Hari Jadi Ke-82 TYT Sarawak
- 11 | Majlis Pemakaian Pangkat Polis Bantuan Sanjung Etika Sdn Bhd

Info Pendidikan

- 12 | Data Penajaan Pelajar Biasiswa Pendidikan Yayasan Sarawak
- 13 | Data Penajaan Pelajar Pembiayaan Pendidikan Yayasan Sarawak

Info Pendidikan

- 14 | Program Bantuan Baucar Pakaian Seragam Zon Tarat
- 14 | Majlis Penyampaian Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak
- 15 | Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Sarawak
- 16 | Yayasan Sarawak Sertai Pameran Lan Berambeh Anak Sarawak 2018
- 17 | Lawatan Mesra SK Bawang Assan Ke Wisma Adenan
- 17 | Program Perjumpaan Anak Sarawak USM Bersama Yayasan Sarawak

Taska Tadika Yayasanku Sayang

- 18 | Pameran Konvensyen Pendidikan Pra Sekolah Siri Ke-12 Tahun 2018
- 18 | Lawatan Ke DinoTrek II Taska Tadika Yayasanku Sayang

Info Sukan

- 19 | PESAYA XIII Kedah 2019, Langkawi: Menghitung Hari
- 20 | Yayasan Sarawak-Puteri Dang Balai Dinobat Raja Sungai Sarawak 2018
- 21 | Yayasan Sarawak Juara Bola Sepak Piala FA YB John Ilus 2018
- 21 | Hilda Sarkawi Wakil Sarawak Ke Para SUKMA XIX Kedah 2018
- 22 | Galeri Foto
- 24 | Testimoni Ibu Bapa Pelajar



Dari Meja **PENGARAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kerana kami berjaya menerbitkan buletin OUTREACH untuk edisi Oktober-Disember 2018.

Sepanjang tahun 2018, Yayasan Sarawak telah mengadakan pelbagai program untuk menyalurkan maklumat yang tepat dan jelas tentang bantuan-bantuan yang disediakan, di samping menitikberatkan aspek hubungan erat demi kebajikan pelajar Sarawak yang menuntut sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Siri perjumpaan dengan pelajar Sarawak di luar negara yang turut disertai oleh YAB Ketua Menteri selaku Pengerusi Yayasan Sarawak telah diadakan di London pada bulan September 2018 dan kemudiannya di Melbourne, Australia pada Disember yang lalu. Selain itu, pengurusan Yayasan Sarawak telah mengadakan lawatan yang sama di Kaherah, Mesir pada bulan Februari dan disusuli dengan lawatan bersama pihak Tabung Baitulmal Sarawak di Indonesia pada bulan Disember. Tujuan lawatan adalah untuk memastikan hubungan yang rapat perlu diadakan dengan pelajar-pelajar termasuk rakyat Sarawak bagi mengetahui masalah mereka.

Sepanjang tahun 2018, Yayasan Sarawak telah menganugerahkan biasiswa kepada 9,392 orang pelajar dengan perbelanjaan sebanyak RM24.34 juta. Bagi pinjaman pelajaran pula, seramai 2,037 orang pelajar telah ditaja dan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM17.93 juta. Kedua-dua bantuan ini meliputi pelajar di peringkat sekolah menengah, sijil hinggalah ke peringkat Doktor Falsafah di dalam mahupun di luar negara.

Dalam pada itu, seramai 18,976 orang telah mendapat manfaat melalui Skim Hadiah Cemerlang, Bantuan Baucer Pakaian Seragam, *High Performance For Rural Schools* (HiPERS), Program Pertukaran Pelajar dan Pendidikan Komuniti. Yayasan Sarawak juga turut berbangga atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah oleh pihak *Swinburne University of Technology*, Australia kepada YAB Ketua Menteri Sarawak pada 20 Disember 2018 di *Melbourne Exhibition and Convention Centre*, Melbourne, Australia. Anugerah ini adalah pengiktirafan atas jasa dan sumbangan besar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kepada negeri Sarawak khususnya, negara Malaysia amnya serta terhadap perhubungan erat dengan negara Australia melalui *Swinburne University of Technology*.

Insya Allah Yayasan Sarawak akan meneruskan usaha menyampaikan maklumat serta meneruskan usaha melalui pelbagai program bantuan pendidikan pada tahun 2019.

Sekian dan Selamat menyambut tahun 2019.

Haji Azmi bin Haji Bujang
Pengaruh Yayasan Sarawak

“Pemangkin Pembangunan Pendidikan Ke Arah Modal Insan Berkualiti”

SIDANG EDITORIAL

Penasihat

- Haji Azmi bin Haji Bujang
- Haji Mersal bin Abang Rosli
- Ellen @ Manium anak Engang

Ketua Editor

- Suryani binti Abdul Hamid

Editor

- Abdullah bin Abdul Gafor
- Siti Asfajarina binti Haji Salleh

Penulis

- Watson Chungat Leonard Doo
- Muhammad Rahman bin Sallehin
- Ratnasari binti Mansor
- Siti Noorlis binti Hassan
- Norhisam bin Sharkawi Hassan (SESB)
- Ahmad Jumadi bin Sabang
- Jeffery Undi anak Anthony

Pereka Grafik / Bahan

- Ahmad Jumadi bin Sabang

Fotografi

- Ahmad Jumadi bin Sabang
- Andy Gray Simon
- A'isya Munirah Rafi
- Jeffery Undi Anthony
- Saiful Ashraf Sa'adi

Terbitan

Seksyen Komunikasi Korporat
Yayasan Sarawak, Wisma Adenan,
Jalan Sultan Tengah,
93050 Kuching, Sarawak.
Tel: +60 82 440571
Faks: +60 82 440023
WhatsApp: +6017 700 1971 (ysCARE)
Laman Web: www.yayasansarawak.org.my
E-mel: ys@yayasansarawak.org.my

SEKALUNG BUDI

Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberi sumbangan dalam bentuk artikel, foto dan idea serta ke atas mana-mana artikel yang dipetik daripada laman media sosial dan akhbar online.

Sebarang cadangan untuk penambahbaikan serta sumbangan artikel boleh di emel ke ysscpcorcom@yayasansarawak.org.my.

Dari Meja KETUA EDITOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Syukur alhamdulillah, kerana dengan limpah dan izinNya, edisi OUTREACH Oktober-Disember 2018 ini telah berjaya diterbitkan dan merupakan edisi penutup bagi tahun 2018. OUTREACH edisi Oktober-Disember 2018 merupakan edisi ke-5 yang diterbitkan oleh sidang editorial sedia ada. Kali ini kami banyak memaparkan aktiviti-aktiviti dengan berita utama yang memfokuskan kepada majlis berprestij seperti Penyampaian Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak (AKKMS) yang ke-26 dan Majlis Penyampaian Biasiswa Program Perubatan Sesi 2018/2019. Manakala dalam Info Korporat pula, pengisian adalah tertumpu kepada majlis-majlis yang dianjurkan di dalam dan luar Yayasan Sarawak serta penyertaan Yayasan Sarawak dalam beberapa pengurusan acara anjuran Kerajaan Negeri Sarawak.

Tidak kurang juga lawatan kehormat daripada rombongan Persatuan Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-isteri, SABATI ke Yayasan Sarawak yang diketuai oleh Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang, isteri Ketua Menteri Sarawak merangkap Pengerusi SABATI. Di dalam Info Pendidikan, kami memuatkan semua aktiviti-aktiviti utama Yayasan Sarawak dalam penajaan pelajar, penyampaian bantuan pendidikan dan program yang dianjurkan bagi pendidikan di peringkat pra sekolah sehinggalah ke Institusi Pendidikan Tinggi. Diharap informasi yang dikongsi bersama ini sedikit sebanyak dapat membantu memaklumkan kepada umum tugas dan peranan yang dimainkan oleh Yayasan Sarawak selaku Pemacu Pembangunan Pendidikan ke arah mencapai Pembangunan Modal Insan Berkualiti di Negeri ini khususnya dan di Malaysia amnya.

Dengan kesempatan ini, kami dari sidang redaksi ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2019 kepada semua. Sehingga kita berjumpa lagi dalam edisi di tahun akan datang 2019. Kami berharap OUTREACH akan terus menemui anda dengan isi kandungan yang lebih padat dan tersusun dengan berita yang lebih menarik lagi sepertimana perancangan di ambang 2019. Kami juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua di atas sumbangan idea dan tulisan untuk OUTREACH pada kali ini. Terima kasih juga yang tidak terhingga diucapkan kepada pihak Pengurusan Yayasan Sarawak atas segala sokongan terutama sekali Pengarah Yayasan Sarawak yang sentiasa memberi teguran membina dan bimbingan untuk kami memberi yang terbaik kepada anda semua.

Sekian, terima kasih.

Suryani binti Abdul Hamid
Ketua Editor





YAB Ketua Menteri menyampaikan ucapan di Pusat Pameran dan Konvensyen Melbourne selepas majlis penganugerahan.



Delegasi Kerajaan Negeri Sarawak merakam kenangan bersama YAB Ketua Menteri dan Profesor Dr. Graham Goldsmith, Canselor Swinburne.

YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dianugerahkan **IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH** dari Universiti Swinburne, Melbourne, Australia

OLEH: Watson Chungat Leornard Doo

MELBOURNE, 22 Disember 2018 - Ketua Menteri, YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah oleh Universiti Teknologi Swinburne, Australia sebagai mengiktiraf jasa dan sumbangan beliau kepada negeri Sarawak dan juga hubungan kukuh beliau dengan universiti berkenaan.

Penganugerahan tersebut telah disempurnakan oleh Canselor Universiti Teknologi Swinburne, Profesor Dr. Graham Goldsmith pada 20 Disember 2018 bertempat di *Melbourne Exhibition and Convention Centre*, Melbourne, Australia.

Di dalam ucapan penerimaannya, beliau yang juga merupakan Pengerusi Yayasan Sarawak telah menegaskan bahawa negeri Sarawak mempunyai sejarah hubungan yang panjang dengan Australia. Dua orang mantan Ketua Menteri Sarawak pernah menuntut di Australia di bawah Rancangan Colombo (*Colombo Plan*) pada tahun 1960an dahulu.

Selain itu, apabila Kerajaan Negeri Sarawak mencari rakan kongsi untuk membantunya membangunkan sistem pendidikan tinggi dan pembangunan sumber manusia, Australia terutamanya University Teknologi Swinburne telah tampil untuk memberi bantuan dan sokongan.

Hadir sama di majlis berprestij tersebut adalah isteri Ketua Menteri YABhg. Datuk Amar Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang, Timbalan Pengerusi Yayasan Sarawak YBhg. Datu Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki, ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Swinburne dan Pengarah Yayasan Sarawak Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang.



Delegasi yang diketuai YAB Ketua Menteri mendengar taklimat di Pusat Inovasi Universiti Swinburne di Melbourne.



Ketua Menteri mendengar taklimat berkaitan Teknologi 3D di Pusat Inovasi Universiti Swinburne di Melbourne.



YAB Ketua Menteri berkesempatan mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah semasa menyampaikan amanat beliau.



Penerima anugerah bagi kategori Pemimpin (Guru Besar) menerima trofi daripada YAB Ketua Menteri.



Penerima anugerah merakam kenangan bersama YAB Ketua Menteri.



YAB Ketua Menteri menyerahkan replika cek kepada penerima bagi kategori Anugerah Guru Akademik Sekolah Rendah.

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KHAS KETUA MENTERI SARAWAK (AKKMS) KE-26

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

KUCHING, 9 November 2018 - Pada tahun ini, Majlis Penyampaian Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak (AKKMS) Kali Ke-26 telah diadakan di Dewan Santapan, Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petra Jaya Kuching. Seramai 17 penerima anugerah telah diumumkan pada malam yang berprestij tersebut. Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak.

Berikut adalah senarai bagi penerima anugerah tersebut:

1. KOLEJ DATUK PATINGGI ABANG HAJI ABDILLAH, KUCHING (Kategori Sekolah Menengah Kawalan)
2. SMK SACRED HEART, SIBU (Kategori Sekolah Menengah Biasa)
3. SK ULU LUBAI, LIMBANG (Kategori Sekolah Rendah Berenrolmen 150 dan Ke Bawah)
4. SK ST MARY, KUCHING (Kategori Sekolah Rendah Berenrolmen 151 Ke Atas)
5. PUAN PRISCA ANAK CHAMBERS, SMK ST. Mary, Kuching (Kategori Pengetua)
6. CIK SURYATI BINTI AMIT, SK Pujut Corner, Miri (Kategori Guru Besar)
7. ENCIK YEW KO WOO SMK Methodist, Sibu (Kategori Akademik Guru Sekolah Menengah)
8. PUAN WONG WEN JEN, SJK (C) Chung Hua Miri (Kategori Akademik Guru Sekolah Rendah)

9. ENCIK LING SIM HIE, SMK Bintulu (Kategori Terbuka Guru Kokurikulum)
10. ISAAC CHUNG DE WEE, SMK Batu Lintang, Kuching (Kategori SPM Pelajar Aliran Sains)
11. PUANG TONG SIONG, SMK Methodist, Sibu (Kategori SPM Pelajar Aliran Sastera)
12. ANDREW GIRI ANAK SAPERI, SMK Sibu Jaya (Kategori SPM Pelajar Orang Kelainan Upaya)
13. GRESLY AYUB, SMK Long Lama (Kategori SPM Pelajar Penan)
14. WONG FONG FEI, SMK SACRED HEART (Kategori STPM Pelajar Aliran Sains)
15. EVANGELINE YII JIA XIN, SMK ST. Thomas (Kategori STPM Pelajar Kemanusiaan)
16. ERVINA TANG SZE CHEEN, SMK Chung Hua Sibu (Kategori STPM Pelajar Orang Kelainan Upaya)
17. ENCIK LEONG BENG KEONG (Kategori Guru di Jabatan Pendidikan Negeri)

Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak diperkenalkan oleh Yayasan Sarawak khusus untuk memberi pengiktirafan kepada pihak pentadbiran sekolah, guru-guru dan pelajar yang telah menunjukkan kecemerlangan berterusan serta sumbangan bernilai dalam semua bidang, baik dari segi peningkatan akademik atau bukan akademik, sekaligus berjaya mengharumkan nama sekolah mereka sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan.



Penerima Biasiswa Program Perubatan merakam kenangan bersama YAB Ketua Menteri.



Sesi foto 40 penerima Biasiswa Program Perubatan yang mengikuti pengajian di UNIMAS.



Ayah salah seorang penerima biasiswa turut hadir dengan bangganya kejayaan yang dikecapi anaknya.

Kerajaan Negeri Sediakan **BIASISWA KEPADA PENUNTUT PERUBATAN** di UNIMAS

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

KUCHING, 12 Disember 2018 - Seramai 40 orang pelajar menerima biasiswa di bawah program perubatan yang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Majlis Penyampaian Biasiswa Program Perubatan untuk Sesi 2018/2019 pada tahun ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak bertempat di Atrium Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching. Ketua Menteri berkata inisiatif untuk menganugerahkan biasiswa kepada warga Sarawak yang layak untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di UNIMAS adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan jumlah doktor di Negeri Sarawak.

"Anda semua adalah antara yang amat bertuah, anda mempunyai biasiswa dan kerana kerajaan prihatin kepada generasi muda dan akan terus memberi penekanan kepada pembangunan keupayaan insan dalam bidang perubatan selain daripada kejuruteraan dan teknologi komunikasi dan maklumat," katanya. Ketua Menteri yakin penerima biasiswa akan menyumbang perkhidmatan mereka kepada Negeri Sarawak sebaik tamat pengajian.



Kanak-kanak graduan merakam kenangan bersama Penaung Taska Tadika, YABhg Datuk Amar Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang.



Salah seorang graduan yang akan melangkah ke alam persekolahan bersama ibu bapa.



Pengarah Yayasan Sarawak menunjukkan Interactive Learning with Epson yang dipamerkan kepada YBhg Datuk Amar Juma'ani.

MAJLIS KONVOKESYEN TASKA TADIKA YAYASANKU SAYANG SIRI 8 TAHUN 2018

OLEH: Siti Noorlis binti Hassan

KUCHING, 18 Oktober 2018 - Majlis Konvokesyen Taska Tadika Yayasanku Sayang bertemakan 'Budaya' telah disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang bertempat di Auditorium Yayasan Sarawak.

Majlis konvokesyen tersebut diadakan bagi meraikan seramai 18 orang graduan berusia 4 dan 6 tahun yang telah menamatkan sesi pembelajaran di Taska dan Tadika. Bagi kanak-kanak yang berumur 6 tahun, mereka akan melangkah ke alam persekolahan. Majlis juga telah menganugerahkan hadiah galakan kepada beberapa orang pelajar tadika yang cemerlang.

Selain daripada majlis konvokesyen, turut disertakan sekali pameran yang bertemakan Pendigitalan Asuhan dan Didikan Kanak-kanak telah disediakan untuk tontonan umum yang dilaksanakan dengan jayanya di atas kerjasama Seksyen Teknologi Maklumat dan Pengurusan Sistem, Yayasan Sarawak. Antara yang dipamerkan adalah *Teaching And Learning Using Augmented Reality Cards, Virtual Reality, Interactive Learning with Epson* dan pelbagai lagi.



Wakil kanak-kanak Taska Tadika memberi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada para tetamu dan guru-guru.



Dr. Haji Azhar bin Haji Ahmad,
Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak

MESYUARAT LEMBAGA AMANAH YAYASAN SARAWAK KE-125

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang



Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Sarawak kali ke 125 dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri.

KUCHING, 14 Disember 2018 - Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Sarawak yang dipengerusikan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah diadakan untuk kali yang ke-125 bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Ketua Menteri, Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching. Mesyuarat kali ini menampilkan ahli lembaga yang baharu iaitu Yang Berusaha Dr. Haji Azhar bin Haji Ahmad, Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Pendidikan Sarawak berkuatkuasa pada 14 Disember 2018.



Pengarah bersama wargakerja Yayasan Sarawak merakam kenangan semasa konvensyen.



Para peserta mendengar pembentangan kertas kerja daripada salah seorang ahli panel penceramah.

KONVENSYEN MPC GOOD REGULATORY PRACTISES (GRP)

OLEH: Watson Chungat Leonard Doo

KUALA LUMPUR, 11 Oktober 2018 - Seramai lapan orang kakitangan Yayasan Sarawak yang diketuai oleh Pengarahnya Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang telah menghadiri Konvensyen Good Regulatory Practises (GRP) anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bertempat di Hotel Marriot.



Antara ahli-ahli dan sekretariat yang hadir ke mesyuarat YBSTAR kali ke-34.



YAB Ketua Menteri merangkap Pengerusi YBSTAR memberi ucapan pembukaan kepada ahli-ahli mesyuarat.

MESYUARAT LEMBAGA AMANAH YAYASAN BIASISWA SARAWAK TUNKU ABDUL RAHMAN (YBSTAR) KE-34

OLEH: Ratnasari binti Mansor

KUCHING, 14 Disember 2018 - Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Amanah YBSTAR yang ke-34 bertempat di Bilik Mesyuarat Ketua Menteri, Tingkat 5, Dewan Undangan Negeri Sarawak. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg merangkap Pengerusi Lembaga Amanah YBSTAR dan dihadiri oleh Ahli-ahli Lembaga Amanah yang terdiri daripada YBhg Tan Sri Dato Sri Empiang Jabu, YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, YB Dr Anuar bin Rapae, YB Encik Denis Ngau, YBhg Datu Dr Sabariah Putit, Prof Madya Dr Shahren Ahmad Zaidi Adruce mewakili Naib Canselor UNIMAS, Dr Haji Azhar Ahmad, Pengarah Pendidikan Sarawak, Pengarah Yayasan Sarawak selaku sekretariat YBSTAR serta beberapa pegawai kanan Yayasan Sarawak.

KUKUH HUBUNGAN YAYASAN SARAWAK - SABATI

OLEH: Jeffery Undi Anthony

WISMA ADENAN, 6 November 2018 – Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang, Presiden Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-Isteri (SABATI) bersama 34 orang ahlinya telah mengadakan satu lawatan rasmi ke pejabat Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Kuching. SABATI merupakan pertubuhan yang terdiri dari kalangan isteri menteri dan wakil rakyat yang dipengerusikan oleh isteri Ketua Menteri Sarawak. Lawatan sehari ini memberi banyak manfaat kepada ahli SABATI untuk mengetahui maklumat mengenai program dan bantuan pendidikan yang disediakan oleh Yayasan Sarawak. "Kita sentiasa komited dalam membantu anak Sarawak yang memerlukan sokongan khususnya dalam melanjutkan pelajaran dalam mahupun luar negara melalui biasiswa dan pinjaman yang kita sediakan", ujar Pengarah Yayasan Sarawak, Yang Berusaha Tuan Haji Azmi Bin Haji Bujang, ketika menyampaikan sesi taklimat.

"Melalui program seperti ini, saya berharap agar maklumat yang diberikan dapat disalurkan kepada masyarakat supaya mereka mengetahui fungsi dan tujuan penubuhan Yayasan Sarawak", tambahnya lagi. Ahli SABATI juga berkesempatan untuk melawat ke Taska Tadika Yayasanku Sayang untuk melihat suasana pembelajaran anak-anak dalam lingkungan umur 4 hingga 6 tahun dengan alat membantu belajar elektronik dan selain berkesempatan melawat fasiliti yang terdapat di Yayasan Sarawak.



Sesi foto SABATI dan Pengarah Yayasan Sarawak sempena lawatan rasmi SABATI ke Yayasan Sarawak.



Delegasi SABATI turut melawat Taska Tadika Yayasanku Sayang.



Petugas membuat demo Interactive Learning kepada delegasi SABATI.



Sesi foto SHRU dan Pengarah Yayasan Sarawak



Pengarah Yayasan Sarawak memberi taklimat ringkas semasa kunjungan ke tempat kerja kepada ketua rombongan.

LAWATAN KERJA UNIT SUMBER MANUSIA, JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

WISMA ADENAN, 6 Disember 2018 - Rombongan Unit Sumber Manusia (SHRU) di Jabatan Ketua Menteri yang diketuai oleh Timbalan Pengarahnya, Puan Sharifah Rohana binti Datu Wan Alwi, telah mengadakan lawatan kerja dan perbincangan bersama pengurusan Yayasan Sarawak di pejabat Yayasan Sarawak, Jalan Sultan Tengah, Kuching. Dalam siri lawatan kerja tersebut, beliau dan rombongan telah diberikan taklimat oleh Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang mengenai fungsi dan peranan pengurusan serta perkhidmatan yang terdapat di Yayasan Sarawak. Taklimat berkenaan turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli serta pegawai-pegawai kanan Yayasan Sarawak. Sejurus selepas sesi taklimat, pihak rombongan turut dibawa melawat sekitar pejabat Yayasan Sarawak termasuk tempat-tempat umum seperti Kaunter Khidmat Pelanggan, galeri dan lain-lain lagi. Pihak rombongan juga turut berkesempatan untuk beramah mesra dengan pegawai-pegawai seksyen serta warga Yayasan Sarawak.

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KOMPUTER BAGI PROGRAM YS-CAPS

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

MUKAH, 22 November 2018 - Satu Majlis Penyerahan Komputer YS-CAPS telah diadakan di SK Kampung Igan dan SK Kebuaw yang terletak di bahagian Mukah, oleh Encik Mohamad Faisal bin Jaffar, Pegawai Teknologi Maklumat dan Pengurusan Sistem Yayasan Sarawak kepada Guru Besar sekolah. Majlis disaksikan oleh Yang Berhormat Dato' Murshid Diraja Dr. Juanda Jaya, ADUN N.44 Jemoreng. YS-CAPS menggunakan model PPP (*Public Private Partnership*) yang menyediakan bantuan dan kepakaran dalam teknologi pendidikan dan keperluan perkomputeran.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada anak-anak sekolah dalam teknologi maklumat terutamanya dari keluarga miskin bandar dan kawasan pedalaman. Pendedahan awal ini membolehkan mereka menjadi peserta aktif dalam inisiatif ekonomi digital Sarawak dalam masa akan datang. Salah satu inisiatif di bawah YS-CAPS adalah projek menderma peralatan komputer di mana Yayasan Sarawak, Universiti Teknologi Swinburne Sarawak dan PC Image saling bekerjasama untuk membekalkan komputer yang diperbaharui ke sekolah-sekolah yang memerlukan. Turut hadir adalah Pegawai Komunikasi Korporat Yayasan Sarawak, Encik Abdullah bin Abdul Gafor, wakil PC Image serta pihak pengurusan sekolah.



Sesi foto YB Dato' Dr. Juanda bersama pengurusan Yayasan Sarawak, PC Image dan pihak sekolah.



Guru Besar SK Kampung Igan terima komputer daripada Encik Mohammad Faisal.



Encik Mohammad Faisal menyerahkan komputer kepada Guru Besar SK Kebuaw disaksikan oleh YB Adun Jemoreng.



Ahli Kontingen Yayasan Sarawak bersama Pengarah sejourus selepas Istiadat Perbarisan.



TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak membuat pemeriksaan kontingen perbarisan.



Kontingen Yayasan Sarawak mengadakan lintas hormat perbarisan di hadapan TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

KONTINJEN YAYASAN SARAWAK SERTA ISTIADAT PERBARISAN HARI JADI KE-82 TYT SARAWAK

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

SIBU, 13 Oktober 2018 - Kontingen Yayasan Sarawak merupakan sebahagian daripada 5,000 orang yang terlibat menyertai Istiadat Perbarisan dan Rapat Raksasa bersempena dengan Hari Jadi Ke-82 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang diadakan di Bandar Sibu. Majlis tersebut yang berlangsung di Dataran Tuanku Haji Bujang, Sibu dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud serta isteri, Toh Puan Raghad Kurdi Taib dan juga Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg serta isteri, YABhg Datin Patinggi Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang. Kontingen Yayasan Sarawak yang dianggotai seramai 38 orang ahli diketuai oleh Encik Zulfiqqar Fadhzy bin Randy, Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Projek. Kontingen Yayasan Sarawak merupakan gabungan daripada pelbagai lapisan jawatan dan anak syarikat. Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Ibu Pertiwi, kawalan kehormat dari Angkatan Tentera Malaysia, dan perarakan Kontingen Perbarisan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan Bukan Uniform, Persatuan, dan beberapa lagi Badan Bukan Kerajaan.



Sesi bergambar bersama YBhg Pengerusi Sanjung Etika Sdn Bhd, YBrs Pengarah Yayasan Sarawak, dan wakil JPJKK Cawangan Sarawak.

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT POLIS BANTUAN SANJUNG ETIKA SDN BHD

SUMBER: Norhisam bin Sharkawi Hassan / Sanjung Etika Sdn Bhd

KUCHING, 13 Disember 2018 – Satu Majlis Pemakaian Pangkat Polis Bantuan Sanjung Etika Sdn Bhd telah diadakan di perkarangan lobi Yayasan Sarawak, Wisma Adenan. Majlis tersebut bermula pada jam 2.30 petang. Majlis tersebut diadakan bagi menyerahkan kenaikan pangkat iaitu Koperal dan Lans Koperal kepada anggota Unit Polis Bantuan Sanjung Etika Sdn Bhd. Anggota terdiri daripada empat (4) Koperal dan dua puluh dua (22) Lans Koperal.

Turut hadir pada majlis tersebut terdiri Pengerusi Sanjung Etika Sdn Bhd YBhg Datu Dr. Hj. Abdul Rashid bin Hj. Mohd Azis, YBrs Pengarah Yayasan Sarawak Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, SUPT. David anak Ajek, SM. Eona, Insp. Scot daripada JPJKK Cawangan PDRM Sarawak, Pegawai Kanan Yayasan Sarawak dan Sanjung Etika Sdn Bhd.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, disusuli lagu Polis Bersedia Berkhidmat dan bacaan doa bagi memberkati majlis pada petang itu. Seterusnya, YBhg Datu Dr. Abdul Rashid bin Hj. Mohd Azis, Pengerusi Sanjung Etika Sdn Bhd menyampaikan ucapan alu-aluan dan penghargaan kepada anggota polis bantuan yang telah berjaya dinaikkan pangkat yang diluluskan oleh PDRM Cawangan Bukit Aman.

Selepas ucapan selesai, majlis diteruskan dengan upacara pemasangan pangkat untuk 26 anggota yang telah berjaya oleh YBrs Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak. Pihak majlis juga menjemput isteri kepada salah satu anggota polis bantuan yang tidak dapat hadir di atas faktor kesihatan iaitu Puan Norquraniza Binti Jawawi bagi pihak suaminya. Majlis diakhiri dengan nyanyian lagu Ibu Pertiwiku dan sesi bergambar bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Sanjung Etika Sdn Bhd, Pengarah Yayasan Sarawak, dan wakil daripada JPJKK Cawangan PDRM Sarawak bersama anggota polis bantuan. Majlis bersurai pada jam 4.00 petang.



Sumbangan dan penyampaian watikah kepada isteri Lans Koperal Sheiful Bin Bujang Lapok yang tidak dapat menghadiri majlis di atas faktor kesihatan.



Upacara pemasangan pangkat Koperal oleh YBrs Pengarah Yayasan Sarawak.

DATA PENAJAAN PELAJAR BIASISWA PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK (JANUARI HINGGA DISEMBER 2018)

BIL	SKIM	BERDASARKAN SKIM PENAJAAN					JUMLAH
		Sekolah	Sijil / Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana	PhD / Profesional	
1	Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib	-	-	164	14	12	190
2	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman	-	-	184	24	20	228
3	Biasiswa Program Perubatan	-	-	80	-	-	80
4	Biasiswa Tempatan Yayasan Sarawak	4986	-	-	-	-	4986
5	Skim Pendahuluan Pelajaran dan Teknikal	-	2608		-	-	2608
JUMLAH KESELURUHAN		4986	3036		38	32	8092

DATA PENAJAAN BIASISWA BERDASARKAN INSTITUSI PENGAJIAN (Yayasan Biasiswa Tunku Abdul Rahman, Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib (Kerja Kursus) & Biasiswa Program Perubatan)

BIL	INSTITUSI	BERDASARKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI					JUMLAH
		Sekolah	Sijil / Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana	PhD / Profesional	
1	Institusi Pengajian Tinggi Awam	-	-	317	24	25	366
2	Swinburne University of Technology Kampus Sarawak	-	-	36	-	1	37
3	Curtin University Malaysia	-	-	38	-	2	40
4	University College of Technology Sarawak	-	-	28	-	-	28
5	Institusi Pengajian Tinggi Swasta	-	-	9	2	-	11
6	Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara	-	-	1	12	3	16
JUMLAH KESELURUHAN		-	-	429	38	31	498

BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB (PENYELIDIKAN) SESI 2018/2019

BIL	BIDANG PENGAJIAN	MASTER	PhD	JUMLAH
1	Aquatic	1	-	1
2	Biochemistry	-	3	3
3	Bioinformatics	1	-	1
4	Chemistry	1	-	1
5	Data Analytics	1	-	1
6	Electrical	-	2	2
7	Geology	1	-	1
8	Horticulture	-	1	1
9	Mechanical	-	1	1
10	Mechatronics	-	1	1
11	Petroleum	-	1	1
12	Sciences	1	-	1
13	Software Engineering	-	1	1
JUMLAH KESELURUHAN		6	10	16

DATA PENAJAAN PELAJAR BIASISWA TEMPATAN YAYASAN SARAWAK

BIL	BAHAGIAN / KAWASAN ASAL	JUMLAH
1	KUCHING	845
2	SAMARAHAN	458
3	SERIAN	205
4	SRI AMAN	106
5	BETONG	705
6	SARIKEI	122
7	SIBU	903
8	KAPIT	267
9	MUKAH	654
10	BINTULU	228
11	MIRI	326
12	LIMBANG	167
JUMLAH KESELURUHAN		4986

DATA PENAJAAN PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK (JANUARI HINGGA DISEMBER 2018)

BIL	SKIM	BERDASARKAN SKIM PENAJAAN						JUMLAH
		Sijil	Asasi	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
1	Biasiswa Pinjaman Pelajaran Dalam Negara	3	63	145	484	39	5	739
2	Pinjaman Pelajaran Luar Negara	0	0	0	41	14	2	57
3	Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal	393	0	0	0	0	0	393
4	Tabung Pendidikan Tinggi Sarawak (HiED)	0	15	0	76	0	0	91
JUMLAH KESELURUHAN		396	78	145	601	53	7	1280

BIL	INSTITUSI	BERDASARKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI						JUMLAH
		Sijil	Asasi	Diploma	Ijazah Sajara Muda	Sarjana	PhD	
1	Institusi Pengajian Tinggi Awam	0	0	79	308	33	5	425
2	Politeknik	0	0	50	0	0	0	50
3	Swinburne University of Technology Kampus Sarawak	0	47	0	77	6	0	130
4	Curtin University Malaysia	0	28	0	40	0	0	68
5	University College of Technology Sarawak	0	3	0	81	0	0	84
6	Institusi Pengajian Tinggi Swasta	3	0	16	54	0	0	73
7	Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara	0	0	0	41	14	2	57
8	Institusi Latihan Kemahiran / Teknikal	393	0	0	0	0	0	393
JUMLAH KESELURUHAN		396	78	146	600	53	7	1280

BIL	BIDANG PENGAJIAN	PINJAMAN DALAM NEGARA	PINJAMAN LUAR NEGARA	PINJAMAN LATIHAN TEKNIKAL	TABUNG PENDIDIKAN TINGGI SARAWAK (HiED)	JUMLAH
1	Sastera dan Kemanusiaan	83	15	0	0	98
2	Perniagaan dan Pengurusan	281	8	0	0	289
3	Kejuruteraan dan Teknologi	243	7	0	91	341
4	Sains Hayat dan Perubatan	46	18	0	0	64
5	Sains Persekitaran	29	2	0	0	31
6	Sains Sosial	57	7	0	0	64
7	Teknikal / Kemahiran (Sub-Profesional)	0	0	393	0	393
JUMLAH KESELURUHAN		739	57	393	91	1280

BIL	BAHAGIAN / KAWASAN ASAL	PINJAMAN DALAM NEGARA	PINJAMAN LUAR NEGARA	PINJAMAN LATIHAN TEKNIKAL	TABUNG PENDIDIKAN TINGGI SARAWAK (HiED)	JUMLAH
1	KUCHING	414	35	107	43	599
2	SAMARAHAN	69	2	39	3	113
3	SERIAN	12	1	15	0	28
4	SRI AMAN	10	0	8	1	19
5	BETONG	16	1	13	0	30
6	SARIKEI	14	1	6	2	23
7	SIBU	54	1	24	6	85
8	KAPIT	8	1	21	0	30
9	MUKAH	14	1	51	3	69
10	BINTULU	28	3	22	6	59
11	MIRI	86	5	40	23	154
12	LIMBANG	6	3	45	2	56
13	LUAR SARAWAK	8	3	2	2	15
JUMLAH KESELURUAN		739	57	393	91	1280



Sesi fotografi bersama para pelajar dari 11 buah sekolah kawasan Tarat.

PROGRAM BANTUAN BAUCAR PAKAIAN SERAGAM ZON TARAT

OLEH: Jeffery Undi Anthony

SERIAN, 30 Oktober 2018 - Menteri Muda Pembangunan Tanah Adat Sarawak merangkap ADUN N.20 Tarat, Yang Berhormat Datuk Roland Sagah Wee Inn, menyempurnakan Majlis Penyampaian Program Bantuan Pendidikan bertempat di Dewan Serbaguna SK Tarat, Serian.

Penyerahan bantuan yang berupa baucar RM200 ringgit ini menyaksikan sebanyak 11 buah sekolah penerima iaitu SJK Chung Hua Batu 35, SJK Chung Hua Batu 29, SJK Chung Hua Batu 32, SK Rayang, SK Rituh, SK Sebeban, SK Sungai Kenyah, SK Tarat,

SK Tanah Puteh, SK St. Alban Ampungan dan SK St. Barnabas Baru. "Bantuan pendidikan yang kita terima ini merupakan salah satu inisiatif yang dibangunkan untuk memangkin kecemerlangan modal insan", kata Roland ketika berucap.

"Kita akan terus komited dalam memberikan segala kemudahan asas kepada para pelajar yang memerlukan dari tahun ke tahun dalam usaha untuk meningkatkan mutu hidup dan prestasi pendidikan", tambahanya lagi. Seramai lebih kurang 150 orang termasuk ibu bapa dan pelajar hadir ke majlis bagi memeriahkan lagi sambutan.

Turut hadir En. Mohammad Faisal bin Jaafar, mewakili Pengarah Yayasan Sarawak, En. Wee Chung Yee, wakil Residen bahagian Serian, En. Barnabas Jubang, wakil Pegawai Pendidikan Daerah, En. Gerard George Entingar, wakil Pegawai Daerah Serian, dan En. Constantine Gerald David Anak Jonas, Setiausaha Majlis Daerah Serian.

MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK

OLEH: Muhammad Rahman bin Sallehin

TEBEDU, 9 Oktober 2018 - YB Dato Sri Michael Manyin Anak Jawong, Menteri Pendidikan, Sains Dan Penyelidikan Teknologi Sarawak, merangkap ADUN N.21 Tebedu telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Baucar Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Yayasan Sarawak bagi tahun 2018 di Zon Tebedu. Majlis yang berlangsung di Dewan SMK Tebedu dan telah memberi manfaat kepada ramai pelajar dan murid bagi zon berkenaan untuk mendapat bantuan pakaian seragam sekolah. Turut hadir Encik Mohamad Adzlie bin Ibrahim, mewakili Pengarah Yayasan Sarawak dan wakil Pegawai Daerah Serian. Sementara itu majlis yang sama turut diadakan di Zon Batang Ai pada 15 Oktober 2018 bertempat di Dewan SMK Lubok Antu. Majlis telah disempurnakan oleh YB Encik Malcom Mussen anak Lamoh, Menteri Pelaburan dan Industri Sarawak.



Penerima dan para tetamu berkesempatan mengadakan sesi foto semasa akhir majlis.



Salah seorang Guru Besar yang mewakili pelajar menerima baucar bantuan daripada YB Dato Seri Michael Manyin.



Petua menerima replika baucar bagi mewakili penerima auer bantuan di Zon Batang Ai.



Melissa Ann Liew daripada Swinburne University Sarawak menerima Anugerah Graduan Cemerlang daripada Pengarah Yayasan Sarawak.

Pengarah Yayasan Sarawak menyampaikan Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Sarawak kepada Colin Ngu Ker Ling.

ANUGERAH GRADUAN CEMERLANG YAYASAN SARAWAK

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

ANUGERAH GRADUAN CEMERLANG YAYASAN SARAWAK telah diwujudkan bagi memberi pengiktirafan kepada pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik dan mengikuti pengajian Institusi Pengajian Tinggi Awam di Sarawak termasuk Swinburne University Sarawak dan Curtin University Malaysia. Selain itu, anugerah ini juga bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan menggalakkan penglibatan pelajar yang menyeluruh untuk menjadi pemangkin kepada pelajar terus berusaha dan memberi sumbangan kepada universiti khususnya dan negeri Sarawak amnya.

Semasa Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak, Muhd Syazwan Iqbal Anuar Shadzat, 21, yang mengikuti pengajian Diploma Pengurusan Halal telah dipilih sebagai penerima Anugerah Graduan Terbaik Khas Yayasan Sarawak (Diploma). Anak kelahiran Daro, Mukah ini turut menerima Anugerah Graduan Terbaik (Diploma) dan Anugerah Graduan Terbaik (Kepimpinan) (Diploma) daripada UiTM Sarawak.

Selain itu, Anugerah Graduan Terbaik Khas Yayasan Sarawak (Sarjana Muda) telah diberikan kepada Shamshull bin Safery yang mengikuti pengajian dalam bidang Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi dan Pengurusan Ladang. Majlis penyampaian telah diadakan bersempena dengan Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak yang berlangsung pada 22-24 November 2018. Manakala untuk anugerah yang sama di Swinburne University Sarawak, Melissa Ann Liew dan Colin Ngu Ker Ling telah dipilih sebagai penerima Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Sarawak. Majlis penganugerahan tersebut telah disempurnakan oleh YBrs Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak semasa Malam Apresiasi Rakan dan Alumni Swinburne pada 29 Oktober 2018 di Hotel Waterfront, Kuching.



Syazwan menunjukkan anugerah yang diterimanya.



Para petugas pameran sedang memberi penerangan kepada para pelajar.

Yayasan Sarawak sertai **PAMERAN LAN BERAMBEH ANAK SARAWAK 2018**

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

KUALA LUMPUR, 20 Oktober 2018 - Program Lan Berambéh Anak Sarawak bagi tahun 2018 telah diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang turut dimeriahkan sekitar 8,000 anak Sarawak yang bermastautin di Semenanjung. Yayasan Sarawak turut tidak melepaskan peluang dengan menyertai ruang pameran yang disediakan bagi menyalurkan maklumat kepada rakyat Sarawak terutamanya para pelajar berkaitan dengan bantuan dan program pendidikan yang disediakan.

Ruang pameran Yayasan Sarawak telah dikunjungi sekitar 1000 pelajar dan para ibu bapa bagi mendapatkan khidmat penerangan daripada pegawai yang bertugas. Selain itu, ruang pameran Yayasan Sarawak juga menyediakan perkhidmatan secara online seperti permohonan, semakan status permohonan dan baki pinjaman serta lain-lain lagi. YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg berkata, program yang diadakan sejak 2008 ini adalah untuk menyalurkan maklumat kepada anak-anak Sarawak sama ada yang bekerja, belajar dan menetap di Semenanjung Malaysia bagi memahami tentang perkembangan semasa dan kemajuan yang dibawakan oleh Kerajaan Negeri termasuk berkongsi maklumat berhubung peluang pendidikan atau pekerjaan.

Program sehari suntuk itu dimulakan dengan Konvensyen Anak Muda Sarawak 2018 serta Forum Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963. Bertemakan 'Kamek Sayang Sarawak', 'Lan Berambéh Anak Sarawak 2018' menyediakan 70 ruang pameran yang dibuka dari jam 9 pagi hingga 9 malam, dengan 34 daripadanya melibatkan kementerian, persatuan dan juga kaunter perkhidmatan.



YB Datuk Dr. Abdul Rahman Junaidi, Menteri Muda Elektrik Luar Bandar Sarawak turut mengunjungi ruang pameran Yayasan Sarawak.



Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli memberi penerangan bantuan pendidikan kepada para pengunjung.



Ketua Penolong Pengarah Yayasan Sarawak, Puan Suryani binti Abdul Hamid, bersama pemenang kuiz di tapak pameran Yayasan Sarawak.



Sesi penyampaian cenderamata kepada guru besar SK Bawang Assan.



Para pelajar dan guru mendengar taklimat bantuan pendidikan daripada Seksyen Program & Bantuan.

LAWATAN MESRA SK BAWANG ASSAN KE WISMA ADENAN

OLEH: Jeffery Undi Anthony

WISMA ADENAN, 2 November 2018 – Seramai 42 orang rombongan guru dan pelajar dari SK Bawang Assan telah melawat ke Wisma Adenan, selaku sekolah HIPERS di bawah program dan bantuan Yayasan Sarawak. Lawatan sambil belajar selama sehari ini telah memberi banyak pendedahan awal kepada para pelajar untuk mendapatkan maklumat tentang bantuan pendidikan yang boleh dipohon pada masa hadapan. Sesi ceramah disampaikan oleh wakil dari Seksyen Program dan Bantuan, Encik Syaifulhizam bin Othman untuk memberikan penerangan kepada para pelajar dan guru tentang program yang dikendalikan oleh Yayasan Sarawak pada setiap tahun bagi setiap peringkat pendidikan. Para pelajar dan guru juga berkesempatan untuk melawat ke sekitar Wisma Adenan yang menjadi tarikan bagi setiap orang yang datang.



Pengarah Yayasan Sarawak menerima cenderamata daripada Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) USM, Dr. Nazarudin.



Sesi foto pelajar Sarawak di USM bersama Pengarah dan pengurusan Yayasan Sarawak.

PROGRAM PERJUMPAAN ANAK SARAWAK USM BERSAMA YAYASAN SARAWAK

OLEH: Muhammad Rahman bin Sallehin

PULAU PINANG, 27 November 2018 – Yayasan Sarawak menerusi pejabat Kuala Lumpur (YSKL) meneruskan siri lawatan ke Universiti Awam bermula dengan melawat para mahasiswa dan mahasiswi anak Sarawak yang mengikuti pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Perjumpaan tersebut yang dijayakan bersama Perkumpulan Anak-Anak Sarawak USM (PERKASA) telah berjaya menghimpunkan seramai 100 orang daripada pelbagai kursus serta tahun pengajian beserta para pensyarah anak Sarawak yang kini mengajar di USM sambil disambut oleh Dr. Nazarudin bin Zainun, Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) USM.

Semasa ucapan Pengarah Yayasan Sarawak, YBrS Tuan Haji Azmi Bujang telah memberikan penerangan lanjut mengenai skim-skim pembiayaan pendidikan dan juga bantuan yang diberikan oleh Yayasan Sarawak kepada anak-anak Sarawak khususnya dalam penajaan pendidikan, bantuan pelajaran dan sebagainya. Para mahasiswa juga berpeluang untuk mengemukakan soalan di dalam sesi soal dialog bersama pengurusan Yayasan Sarawak. Yayasan Sarawak menerusi YSKL akan meneruskan sesi perjumpaan bersama para mahasiswa anak Sarawak di Universiti Awam di seluruh Semenanjung Malaysia bagi mendekati para mahasiswa yang merupakan modal insan bagi Sarawak tercinta.

PAMERAN KONVENSYEN PENDIDIKAN PRA SEKOLAH SIRI KE-12 TAHUN 2018

OLEH: Siti Noorlis binti Hassan

KUCHING, 5-7 Oktober 2018 - Konvensyen Pendidikan Prasekolah Siri Ke-12 2018, bertemakan Pendigitalan Asuhan dan Didikan Kanak-kanak telah diadakan pada 5 hingga 7 Oktober 2018 di Hotel Pullman. Konvensyen Pendidikan Prasekolah telah dianjurkan oleh Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita dan Pembangunan secara berterusan sejak 2016 dengan tema tahunan yang berbeza serta pelbagai bidang yang relevan, bagi membantu meningkatkan kemahiran, kompetensi dan tahap keyakinan para pendidik.

Konvensyen ini telah dihadiri seramai 396 orang peserta dari seluruh Sarawak dan sebanyak tiga kertas kerja, tujuh sesi bengkel dan satu sesi forum diadakan. Taska Tadika Yayasanku Sayang, telah dilantik sebagai Jawatankuasa Pameran bagi Konvensyen Pendidikan Prasekolah Siri Ke-12 bertemakan Pendigitalan Asuhan dan Didikan Kanak-kanak. Pameran berkenaan dilaksanakan dengan jayanya di atas kerjasama bersama Seksyen Teknologi Maklumat dan Pengurusan Sistem, Yayasan Sarawak. Antara yang dipamerkan adalah *Teaching And Learning Using Augmented Reality Cards*, *Virtual Reality*, *Interactive Learning with Epson* dan banyak lagi. Peserta Konvensyen dan orang ramai yang hadir berpeluang mencuba kesemua aktiviti serta permainan yang disediakan. Pameran digital berkenaan juga telah disertai sebanyak 20 agensi kerajaan dan swasta yang mengkhususkan kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak.



TYT Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud menandatangani buku digital tetamu semasa lawatan ke tapak pameran Taska Tadika Yayasanku Sayang.



YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah meluangkan masa untuk mencuba permainan digital di tapak Pameran Taska Tadika Yayasanku Sayang.

LAWATAN KE DINOTREK II TASKA TADIKA YAYASANKU SAYANG

OLEH: Siti Noorlis binti Hassan / Ahmad Jumadi Sabang

KUCHING, 9 Oktober 2018 - Seramai 45 orang kanak-kanak Taska Tadika Yayasanku Sayang yang hadir termasuk 3 dan 4 tahun bersama guru-guru mereka telah mengadakan lawatan ke pameran Petrosains DinoTrek 2 bertempat di Dewan Suarah, Kuching. Lawatan selama 45 minit ini bertujuan untuk memberi pengalaman kepada kanak-kanak yang merangkumi pelbagai aspek eksplorasi sambil belajar seperti mengenal serta mempelajari nama-nama Dinosaur. Selain itu kanak-kanak juga didedahkan dengan menggali dan mencari fosil seperti seorang ahli arkeologi. Turut mencuba minda serta menghiburkan kanak-kanak iaitu dengan bermain permainan interaktif seperti *Dino Quest*, *Dino Color* dan *Dino Chase* serta banyak lagi. Diharapkan dengan adanya program lawatan ini dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk memperolehi pembelajaran di luar taska tadika dan dalam persekitaran yang sebenar di tempat berkenaan.



Kanak-kanak diberi pendedahan untuk mencari maklumat di paparan skrin multimedia DinoTrek.



Lawatan kanak-kanak Taska Tadika Yayasanku Sayang ke Petrosains DinoTrek II di Dewan Suarah, Kuching.

PESAYA XIII KEDAH 2019, LANGKAWI: MENGHITUNG HARI

OLEH: Jeffery Undi Anthony / Ahmad Jumadi Sabang

Skuad Bola Jaring Yayasan Sarawak menjalani ujian kecergasan.



Pasukan Bola Tampar dalam fasa akhir latihan.

Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia (PESAYA) merupakan temasya sukan dwi-tahunan yang disertai oleh 13 pasukan Yayasan Negeri. PESAYA XIII Kedah 2019 pada kali ini akan berlangsung pada 15 hingga 22 Februari 2019 bertempat di Kompleks LADA Langkawi, Kedah. Pasukan Yayasan Sarawak akan menyertai kesemua 12 acara yang dipertandingkan iaitu Bola Sepak, Futsal, Bola Tampar, Ping Pong, Badminton, Petanque, Karom, Bola Jaring, Sepak Raga Tuju, Tenpin Bowling, Golf dan Dart.

PERSIAPAN? Sasaran pingat pada kali ini? "Kita telah membuat persiapan awal bermula dari bulan Ogos tahun lepas bagi memberi latihan kepada para atlet yang akan bertanding", kata Cik Nur Hamizah Rakawi, Timbalan Pengerusi II Kelab Yayasan Sarawak. "Ini juga sebagai suatu pendedahan awal kepada atlet baharu untuk meningkatkan disiplin diri melalui proses latihan dan kemahiran", tambahnya lagi. Pada kali ini, Pasukan Yayasan Sarawak menyasarkan lima pingat emas terutamanya mengekalkan kejuaraan bagi sukan Bola Sepak dan individu Tenpin Bowling. Selain itu, sasaran emas juga difokuskan kepada sukan Futsal, Badminton dan Dart berdasarkan pencapaian menerusi sukan PESAYA yang lepas.

Pasukan Yayasan Sarawak akan menghantar 74 orang atlet termasuk pegawai urusetia daripada Kelab Yayasan Sarawak. Ini bukan hanya memberi peluang kepada kakitangan untuk aktiviti bersukan semata-mata, tetapi juga mampu meningkatkan semangat setia kawan dalam kalangan kakitangan Yayasan dari seluruh negeri jelas Setiausaha Kelab Yayasan Sarawak, Alina Vincent, 50 ketika ditemubual di ruang kerja Ibu Pejabat Yayasan Sarawak. "Kita berharap melalui aktiviti seperti ini akan dapat memberi pendedahan kepada kakitangan yang terlibat untuk lebih mengenali budaya masyarakat dari sesebuah tempat. Segala input positif yang diperolehi dapat diaplikasikan dalam pekerjaan seharian selain meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu", tambahnya lagi. Berdasarkan pencapaian, ini merupakan kali ke-13 penyertaan dalam PESAYA dengan pencapaian terbaik ialah pada tahun 2003 semasa menjadi tuan rumah selepas dinobatkan naib juara pada acara yang diadakan di Samarahan. Semoga semangat yang dicetuskan menerusi latihan fizikal dan mental serta motivasi semangat berpasukan berupaya melahirkan warga kerja yang lebih aktif, ceria dan sihat dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh yayasan masing-masing.

Pasukan Petanque adakan siri perlawanan persahabatan



Pihak kontraktor R&D Construction memberikan taklimat projek kepada Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang.





Pasukan YS-PDB meraikan kemenangan setelah dinobatkan juara Raja Sungai Sarawak tahun 2018.

YAYASAN SARAWAK-PUTERI DANG BALAI DINOBAT RAJA SUNGAI SARAWAK 2018

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

KUCHING, 3-4 November 2018 - Tahniah kepada Pasukan Yayasan Sarawak-Puteri Dang Balai (YS-PDB) yang telah dinobatkan sebagai Raja Sungai Sarawak bagi tahun 2018. Pasukan YS-PDB telah mengungguli acara Bidar 30 Pekayuh lelaki akhir yang merupakan acara kemuncak yang dinantikan pada hari tersebut. YS-PDB yang bermula dengan kayuhan sederhana membuat perubahan rentak kayuhan di pertengahan perlumbaan dan berjaya memintas beberapa pasukan lain. Rentak kayuhan diteruskan lagi dengan mantap dan sekaligus mendahului perlumbaan sehingga ke garisan penamat.

YS-PDB berjaya merampas kejuaraan yang sebelum ini dipegang oleh Pasukan Landas. Tempat kedua dimenangi oleh pasukan Ranger 1966 dan tempat ketiga Yayasan Sarawak Cahaya Putri Ruai. Sekali lagi tahniah buat pasukan Yayasan Sarawak-Puteri Dang Balai yang menjuarai Raja Sungai Sarawak 2018. Selain itu, syabas juga diucapkan kepada pasukan lain yang terlibat atas semangat kesukanan yang tinggi yang ditunjukkan sepanjang perlumbaan dan sampai berjumpa lagi di perlumbaan yang akan datang.



Encik Mohamad Adzlie bin Ibrahim, Pengurus Pasukan YS-PDP menerima piala Raja Sungai Sarawak 2018 daripada YAB Timbalan Ketua Menteri.



Majlis Penyerahan Bendera pasukan YS-PDB yang disempurnakan oleh Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli, Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak.



Pasukan YS-PDB dalam aksi kayuhan ke garisan penamat.



Pasukan Yayasan Sarawak meraikan kejuaraan Kejohanan Bola Sepak Piala FA YB John Ilus 2018.



Pasukan Yayasan Sarawak bersama jurulatih Firdaus Morshidi dan para pegawai.



Anugerah Penjaring Terbanyak Kejohanan, Paul Sambang sedang menguasai bola.

YAYASAN SARAWAK JUARA BOLA SEPAK PIALA FA YB JOHN ILUS 2018

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

SERIAN, 22 Disember 2018 - Yayasan Sarawak muncul juara Kejohanan Bola Sepak Piala FA YB John Ilus 2018 setelah menewaskan KSRUS FC dengan 5-0 pada aksi perlawanan akhir di Stadium Serian. Penyerang Yayasan Sarawak, Paul Sambang telah meledakkan dua gol pada minit ke-18 dan ke-21. Pada minit ke-24, Amirul Shafizan Mohamad Safri menambah satu lagi jaringan. Pada babak kedua, Yayasan Sarawak terus menguasai permainan dan menambah dua lagi gol menerusi Mahadi Razak pada minit ke-53 dan Mohamad Hafeez Bakar minit ke-65. Selaku juara, Yayasan Sarawak menerima hadiah wang tunai berjumlah RM2,000, trofi dan pingat manakala KSRUS FC menerima hadiah wang tunai RM1,000, trofi dan pingat. Dua pasukan berkongsi tempat ketiga iaitu Marr SC dan BFT FC masing-masing meraih hadiah wang tunai RM500, trofi dan pingat. Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YB John Ilus, ADUN Bukit Semuja. Pemain Yayasan Sarawak terus menambah koleksi hadiah sebagai penjaring terbanyak liga melalui Paul Sambang dan seorang lagi pemain, Abdul Gani Anuar dengan membawa pulang anugerah Pemain Terbaik Final Piala FA. Turut hadir Presiden Persatuan Bola Sepak Bahagian Serian (SFA), Phillip Jabu dan Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Sarawak (FAS), Jeffery Lana.

HILDDA SARKAWI WAKILI SARAWAK KE PARA SUKMA XIX PERAK 2018

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

PERAK, 29 November 2018 - Hildda binti Sarkawi, 40 tahun, merupakan warga kerja Yayasan Sarawak tunggal yang dipilih mewakili Sarawak ke temasya sukan Para SUKMA XIX Perak 2018. Temasya ini telah berlangsung pada 21 hingga 28 November 2018 dan secara rasminya membuka tirai di Stadium Indera Mulia, Ipoh. Bagi Hildda, pencapaian beliau amat membanggakan kali ini dengan memperolehi pingat gangsa dalam acara Olahraga Wanita Lontar Peluru F44 (Masalah Fizikal Kaki). Manakala bagi kategori Olahraga Wanita Merenjam Lembing F44 (Masalah Fizikal Kaki), beliau memperolehi pingat Perak. Untuk pingat Perak yang kedua, beliau memperolehi daripada acara Olahraga Wanita Lontar Cakera F44 (Masalah Fizikal Kaki). Beliau turut merasa bangga apabila pasukan Sarawak mempertahankan kejuaraan keseluruhan untuk kali yang ke-14. "Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Dengan berbekalkan semangat yang tinggi serta menempa kejayaan dalam hidup di mana minat bersukan telah bermula daripada alam persekolahan lagi". kata beliau. "Kekuatan tidak datang dari kemampuan fizikal, tetapi ianya datang dari semangat yang tidak pernah mengalah.." itulah kata-kata semangat daripada beliau yang dijangka bersama rakan sepasukan mewakili Sarawak pada Temasya Sukan Para SUKMA XX di Johor pada tahun 2020.



Foto kenangan bersama pasukan Para SUKMA Sarawak 2018.



Bangga dengan pencapaian yang dikecapi.



Menerima pingat gangsa acara Olahraga Wanita Lontar Peluru F44.

Galeri Foto



7 Oktober 2018 - Majlis Penutupan Perkhemahan Transformasi Kecemerlangan SPM SMK Semerah Padi di Homestay Kampung Buntal Kuching



12 Oktober 2018 - Sesi Perjumpaan & Dialog bersama pelajar Sarawak di Kelantan yang diketuai oleh Encik Jolly bin Marikan, Pegawai Perundangan dan Pematuhan Yayasan Sarawak.



6 Oktober 2018 - Pelajar Program Pertukaran Yayasan Sarawak, Nurul Quratu'aini dari Sekolah Seri Puteri Cyberjaya berjaya mendapat tempat kedua di Korean Speech Contest anjuran Kedutaan Republik Korea di Malaysia dan Universiti Malaya.



9 Oktober 2018 - Lawatan Sambil Belajar SK Abang Leman, Kabong ke Pejabat Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Kuching.



12 Oktober 2018 - Pameran Sempena Program Kesedaran Advokasi Pendidikan & Seksual (Kaps) di SMK Sarikei.



19 Oktober 2018 - Warga Taska Tadika Yayasanku Sayang dilantik JK Hadiah & Publisiti bagi penganjuran Sarawak Kids Got Talent di Auditorium P. Ramlee, RTM Kuching.



21 Oktober 2018 - Pameran Sempena Program Kesedaran Advokasi Pendidikan & Seksual (KAPS) di Spaoh Betong.



3 November 2018 - Haikal Nur Hakim Maryan (barisan belakang paling kiri), pelajar PERMATApintar Negara tajaan Biasiswa Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak bersama pasukan menjadi Juara di 1st Anson Rugby National Open 2018 (U14).



26 November 2018 - Jamuan Selamat Datang Special Olympic Borneo Cup Asia Pacific Dengan Kerjasama Yayasan Sarawak di Dewan Jambatan Yayasan Sarawak, Kuching.



12 Disember 2018 - Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Yayasan Sarawak Ke-68 yang dipengerusikan oleh YBhg Datu Dr Sabariah Putit, Ahli Lembaga Amanah Yayasan Sarawak.



9 November 2018 - Kunjungan Hormat Felda kepada Pengarah Yayasan Sarawak.



11 Disember 2018 - Mesyuarat bersama pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) berkaitan dengan projek pembangunan MRSM Bintulu.



13 November 2018 - Lawatan Sambil Belajar SK Muhibbah, Kuching ke Pejabat Yayasan Sarawak di Wisma Adenan, Kuching.



27 November 2018 - Pameran Sempena Hari Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) Ke-4 Tahun 2018 di Hotel Pullman, Kuching.



15 Disember 2018 - Pameran Sempena Hari Terbuka Swinburne Sarawak di Swinburne Sarawak, Kuching.



19 Disember 2018 - Dinie damia Qairany, pelajar Program Pertukaran Yayasan Sarawak di Pusat PERMATApintar Negara mendapat Technical Award In Creative Category di 20th International Robot Olympiad 2018 di Manila, Filipina.

Testimoni Ibu Bapa Pelajar

Terima kasih En Rahman, puan Sue n semua staf YSKL yg telah menjaga anak2 kami sepanjang 2 atau 5 thn. Moga Allah membalas jasa baik tuan-puan. Semoga juga perjalan anak dipermudahkan dan selamat sampai ke destinasi masing2.

10:10 AM

Terima kasih En. Rahman & warga YS kerana telah menjaga anak2 kami & semoga mereka selamat sampai ke destinasi masing2.

10:10 AM

Terima Kasih YSKL ..5 tahun jaga sidaknya. semoga Allah membalas segala kebaikan semua.. Aamiin

8:32 AM



Anak selamat dtg ke Miri dah. En. Rahman serta semua staf yayasan sarawak, kamek ucapkan ribuan terimakasih kerna nolong nangar cdak biak tuk masa di semenanjung.

3:33 PM



Alhamdulillah. Anak2 selamat sampe Kuching. Terima kasih Puan Su, sdra Rahman dan YS.

3:37 PM

Makasih Cik Rahman n All kakitangan Ys, anak saya sudah selamat sampai di KIA jam 1520. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi baik kalian semua. Aminnnn.

4:07 PM



Alhamdulillah puteri dah selamat sampai di Kch...sekalung penghargaan terima kasih kpd pengurusan YSKL dan YS yg telah menjaga dan mengurus keperluan anak saya Aina Afrina sepanjang 2 thn di SESERI...semoga segala usaha murni ini diberkati Allah swt

3:43 PM

As Salam,

Terima kasih En Rahman n kakitangan YS yang telah menjaga anak2 kami semenjak tahun 2013. Hanya Allah mampu membalas jasa baik tuan2/puan2. Tk

10:41 AM

Assalamualaikum dan simat ptg. Jutaan trima kasih kpd Yayasan Sarawak yg telah menaja psekolahan anak2 kami bmula drp thun 2008.2010.2014 ke smananjung. Ucapan jutaan terima kasih khusus kpd seluruh wargakerja YSKL yg telah menjaga anak2 kami sepanjang tempuh 2008-2018 brasa di smananjung. Kepada En.Rahman Puan sue,Puan Lela en.Taib hj.Nawi, Tuan hj.Hakim(tlah besara)serta lain2 saya bagi pihak anak2 mohon maaf di atas apa jua kesilapan yg telah dilakukan sepanjang tempuh dbawah jagaan YSKL. Terima kasih YS dan YSKL

3:35 PM

Alhamdulillah..Muhd Nuruddin dh sampey umah..xda begamba tek..tkaseh En.Rahman..Pn.Suhana & YS.

3:45 PM



Sanjung Etika Sdn Bhd

Sanjung Etika Sdn Bhd (SESB) was incorporated on 31st March 1997 and the main task is to carry out business and therefore to lead as one of Yayasan Sarawak investment arms. In 2002, SESB was appointed to manage particularly in property management and facilities management for Yayasan Sarawak premises.

YAYASAN SARAWAK PREMISES FOR RENT BY LOCATION:



Yayasan Sarawak Building,
Jalan Masjid, Kuching



Wisma Satok, Jalan Satok,
Kuching



Jalan Rock, Batu Lintang
Kuching



Demak Laut Commercial Centre,
Kuching



Ariva Gateway,
Jalan Bukit Mata Kuching



Jalan Pinang Jawa, Gita
Kuching



Jalan Padungan,
Kuching



Tabuan Jaya,
Kuching



Unisquare,
Kota Samarahan



Jalan Airport Lama,
Kapit



Jalan Club,
Sri Aman



Jalan Bangkita,
Limbang



Jalan Bulatan Piasau,
Miri



Jalan Sommerville,
Bintulu



For information, please call:
FARALIZA **AMIR**
017-8135779 016-8846491



Tel: 082-432157
Fax: 082-432171
<http://sesb.org.my/>



Yayasan Sarawak



Website



Student App



www.yayasansarawak.org.my

KUCHING • KUALA LUMPUR • LONDON